

Jangan culas tunai tanggungjawab



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

TINDAKAN Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang menyenaraikan pihak yang gagal menjelaskan cukai pendapatan dan bayaran balik pinjaman pendidikan ke dalam Sistem Rujukan Maklumat Kredit Berpusat (CCRIS) menjelaskan betapa rakyat kita cukup liat dan culas menunaikan tanggungjawab mereka. Dalam kes bayaran balik pinjaman PTPTN misalnya, dilaporkan seramai 1,574,700 peminjam masih gagal membuat bayaran balik dan terpaksa disenaraikan dalam CCRIS.

Senario ini menunjukkan peminjam masih degil untuk melunaskan pinjaman mereka walaupun pihak PTPTN telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk pemberian diskaun kepada peminjam yang setuju membuat bayaran balik secara berjadual dan secara sekali gus.

Ironinya, baik LHDN mahupun PTPTN secara berterusan melaksanakan pelbagai kempen kesedaran dan tindakan penguatkuasaan supaya masyarakat menunaikan tanggungjawab mereka namun jelas masih ramai yang terus liat dan culas.

Persoalannya, apakah mereka ini masih tidak sedar atau pura-pura buat tidak tahu dan lupa untuk menunaikan tanggungjawab mereka? Atau masih ada kelemahan dalam aspek penguatkuasaan mahupun kempen kesedaran yang dilaksanakan.

Melalui hasil penelitian, penulis percaya agensi kerajaan yang terbabit telah pun menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik termasuk dari aspek penguatkuasaan. Jadi masalahnya di sini jelas berpunca daripada sikap masyarakat yang gagal menunaikan tanggungjawab mereka.

Kegagalan membayar cukai misalnya jelas menjejaskan sumber dan hasil pendapatan negara. Akibatnya pelbagai perancangan pembangunan yang dirancang untuk kepentingan rakyat akan terjejas teruk.

Pada akhirnya yang rugi adalah masyarakat itu sendiri. Begitu



SIKAP peminjam yang liat membayar balik pinjaman PTPTN menjejaskan peluang generasi berikutnya untuk memperoleh dana pendidikan. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

juga halnya dengan kes bayaran balik pinjaman PTPTN di mana sikap peminjam yang terus degil, liat dan culas untuk membayar balik terutamanya peminjam yang sudah pun bekerja mula menjejaskan peluang generasi berikutnya untuk memperoleh pinjaman pendidikan.

Kesannya, ramai pelajar terutamanya yang berasal dari keluarga kurang berkemampuan menghadapi masalah untuk melanjutkan pengajian masing-masing. Bukankah ini suatu perbuatan yang boleh dikatakan zalim dan menganiaya orang lain?

Jadi masyarakat perlu sedar dengan tanggungjawab masing-masing. Perlu diingatkan tindak tanduk dan sikap mementingkan diri, liat dan culas bukan saja bakal menghantui kehidupan kita malah bakal menjejaskan kehidupan orang lain juga. Seboleh-bolehnya kita tidak mahu agensi kerajaan bertindak seperti ceti haram dalam soal mengutip balik cukai mahupun pinjaman pendidikan. Agensi kerajaan juga tidak wajar dilihat seolah-olah terpaksa merayu kepada peminjam dan membayar cukai.

Penulis melihat isu seperti ini timbul berpunca daripada sikap dan tingkah laku masyarakat itu sendiri. Sikap ini sememangnya tidak dapat diubah dalam sekelip mata dan juga tidak dapat diubah

oleh orang lain. Hanya diri sendiri yang boleh mengubahnya.

Jelas pilihan di tangan sendiri. Kita boleh memilih untuk mementingkan diri, terus liat dan culas menunaikan tanggungjawab dan membiarkan diri terus diburu oleh pihak berkuasa serta menjadi punca kepada pelbagai masalah yang bakal menimpa masyarakat ataupun memilih untuk menjadi warga yang berdisiplin dan bertanggungjawab dengan melunaskan segala hutang dan tanggungjawab mengikut jadual dan ketetapan yang sewajarnya.

Apapun perlu diingatkan perubahan sikap dari negatif kepada positif memerlukan satu proses yang panjang. Sikap dan tingkah laku yang positif perlu dipupuk dan dibentuk pada peringkat usia yang muda bermula dari rumah, zaman persekolahan, universiti dan sebagainya. Pembentukan sikap yang baik dan positif perlu berlaku secara teratur di setiap peringkat terbabit, barulah dapat melahirkan individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab dalam semua aspek.

Dalam hal ini, kita bukan saja bercakap tentang soal bayaran cukai mahupun bayaran balik pinjaman pendidikan tetapi melangkaui skop yang lebih luas dan menyeluruh meliputi keseluruhan aspek kehidupan

rakyat negara ini.

Idealnya, negara ini mahu melahirkan individu yang berminda positif dan sentiasa sedar tanggungjawab mereka kepada agama, bangsa, rakyat dan negara. Untuk terus maju ke hadapan kita memerlukan generasi yang mempunyai perwatakan dan ciri-ciri baik seperti itu.

Justeru dalam konteks ini, diharapkan sistem sokongan sosial yang ada seperti keluarga, masyarakat, sekolah, universiti dan agensi kerajaan dapat memainkan peranan masing-masing dalam melahirkan masyarakat yang berdisiplin dan bertanggungjawab.

Justeru, ibu bapa misalnya wajar mendidik dan membentuk akhlak anak masing-masing. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah daripada rebungunya. Didiklah anak supaya sentiasa ingat hukum dan keperluan untuk menjelaskan hutang mahupun apa jua tanggungjawab yang diperlukan. Didikan pada peringkat ini cukup penting kerana asuhan tersebut akan terus tersamat dalam minda anak-anak yang masih kecil dan menjadi budaya dalam kehidupan harian mereka.

Maka selepas itu barulah tugas selanjutnya boleh dipikul oleh pihak sekolah dan sebagainya. Jika sistem rantaian pembentukan sikap yang positif ini dapat diaplikasikan secara berkesan, penulis percaya kita mampu melahirkan masyarakat yang memiliki ciri dan aura positif dalam kehidupan harian mereka. Di mana sikap positif akan menjadi budaya masyarakat dalam semua aspek kehidupan.

Justeru apa yang penting dalam hal ini, ialah di samping agensi kerajaan membuat kerja mereka, masyarakat juga perlu memainkan peranan supaya tidak lupa menunaikan tanggungjawab masing-masing kepada agama, bangsa dan negara.

Diharapkan agar satu hari nanti rakyat negara ini akan membayar cukai mahupun pinjaman pendidikan secara sukarela tanpa sebarang paksaan ataupun penguatkuasaan seperti sekarang. Biarlah berlumba-lumba menunaikan tanggungjawab dan bukannya melarikan diri daripada pemburuan pihak berkuasa.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM).